

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TAN SRI DATO' SRI WILLIAM  
MAWAN IKOM**

**KAWASAN : SARATOK**

**TARIKH : 11 MAC 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 69**

**SOALAN:**

YB. TAN SRI DATO' SRI WILLIAM MAWAN IKOM minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah status terkini Malaysia di dalam AFTA dan apakah kesannya kepada industri automobil negara.

**JAWAPAN:**

Tuan yang Di Pertua,

1. Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN *Free Trade Area* – AFTA) telah dimulakan dengan termetrainya Skim Keutamaan Tarif Samarata (*Common Effective Preferential Tariff* - CEPT) pada tahun 1992.

2. Antara objektif terpenting penubuhan AFTA adalah untuk mewujudkan satu pasaran tunggal dan pusat pengeluaran antarabangsa, menarik pelabur asing dan meningkatkan perdagangan dan pelaburan intra-ASEAN.

3. Secara progresifnya dari tahun 1993 sehingga 2010, negara-negara ASEAN 6 yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand, termasuk juga Malaysia telah berjaya memansuhkan duti import ke atas 99.20 peratus daripada jumlah keseluruhan baris tarif. Manakala bagi negara-negara CLMV pula, iaitu Cambodia, Lao PDR, Myanmar dan Viet Nam telah memansuhkan duti import sebanyak 93 peratus baris tarif dan baki 7 peratus lagi (kini pada kadar 1-5 peratus duti import) akan dimansuhkan sepenuhnya pada tahun 2018.

4. Prestasi perdagangan negara dengan negara-negara ASEAN telah mencatatkan peningkatan yang konsisten. Pada tahun 2014, jumlah dagangan Malaysia dengan ASEAN adalah sebanyak RM389.03 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 3.8 peratus berbanding tahun 2013. Ini telah membuktikan bahawa ASEAN sememangnya pasaran terbaik bagi Malaysia untuk memasarkan barangan dan juga sebagai sumber utama bahan mentah pada harga yang berpatutan bagi memenuhi keperluan sektor pengeluaran negara.

5. Sejak tahun 2007, ASEAN telah memantapkan lagi usaha integrasi ekonominya melalui penghasilan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (*ASEAN Economic Community*

*Blueprint*). Pelan Tindakan ini adalah satu dokumen yang komprehensif di mana ianya menggariskan kaedah-kaedah spesifik dan mengenalpasti penyampaian (*deliverables*) utama di bawah Komuniti Ekonomi ASEAN (ASEAN Economic Community - AEC) 2015 untuk dicapai bagi semua negara anggota.

6. Mengenai impak AFTA kepada industri automotif pula, walaupun komitmen negara di bawah Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ATIGA) telah dipenuhi dan import duti dimansuhkan, kenderaan yang dibawa masuk hendaklah mematuhi peraturan tempasal yang ditetapkan iaitu "*Regional Value Content (RVC) 40 peratus*" dan merupakan kenderaan baharu dan bukan kenderaan terpakai. Dengan pelaksanaan liberalisasi AFTA ini, ianya dapat memberikan kesan positif kepada industri automotif tempatan kerana ia membolehkan industri automotif tempatan mengimport komponen dan alat ganti kenderaan dari negara-negara ASEAN dengan harga yang kompetitif, sekaligus mengurangkan kos bahan mentah dalam pembuatan kereta tempatan. Pada masa sama, ia juga membuka peluang bagi pengeluar kenderaan serta komponen dan alat ganti kenderaan tempatan untuk mengeksport ke negara-negara ASEAN.

7. Dalam hal ini, Kerajaan di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP) telah memperkenalkan beberapa dasar dan langkah bagi meningkatkan daya saing pengeluar komponen dan alat ganti tempatan supaya dapat mengeluarkan produk yang berkualiti dan efisien supaya dapat terus merebut peluang memasarkan keluaran mereka di pasaran ASEAN yang semakin liberal di bawah inisiatif

AEC. Sekiranya industri tempatan terjejas akibat daripada pelaksanaan AFTA dan lambakan barangan import dari negara-negara ASEAN, Malaysia boleh mengambil tindakan *safeguard* seperti tindakan anti-lambakan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah perjanjian ATIGA dan WTO.

8. Memandangkan ASEAN merupakan pasaran penting bagi perdagangan luar Malaysia, industri automotif tempatan perlu melihat pasaran ASEAN sebagai pasaran yang berpotensi untuk Malaysia memperluaskan eksport. ebagai negara yang bergantung kepada perdagangan luar, Malaysia tidak boleh mengambil langkah-langkah *protectionist*.